



Tiga penjawat baru dilantik bagi memperkukuhkan gerak kerja dalam usaha meningkatkan martabat universiti ini di peringkat global.

UUM ONLINE: Pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia (UUM) melantik tiga penjawat baru dalam kalangan tenaga akademik bagi memperkukuhkan gerak kerja dalam usaha meningkatkan martabat universiti ini di peringkat global.

Tiga penjawat baru itu ialah Prof. Dr. Mohd Zaini Abd Karim sebagai Penyelaras Unit Analisis dan Peramalan Ekonomi; Prof. Madya Dr. Asan Ali Golan Asan @ Mohammad, Penyelaras Unit Perancangan Korporat UUM dan Pengarah Pusat Bahasa, Dr. Siti Jamilah Bdin.

Mereka akan memikul tanggungjawab mengikut portfolio masing-masing yang ditetapkan oleh pihak pengurusan UUM bagi memastikan usaha menjadikan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka dapat direalisasikan dengan jayanya.

Naib Canselor, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak, berkata lantikan baru ini akan memacu perubahan dengan lebih efisien kerana kepakaran yang sedia ada akan digunapakai sebaik mungkin.

Katanya, kepakaran yang ada dalam UUM akan digunakan untuk membantu pihak universiti dan kerajaan dalam soal analisis dan peramalan ekonomi, peningkatan penguasaan bahasa Inggeris dan asing di samping meningkatkan kemampuan graduan universiti dalam aspek komunikasi.

Sementara itu, Prof. Dr. Mohd Zaini ketika ditemui berkata, tugas ini agak mencabar tetapi merasakan ia mampu dilaksanakan kerana bidang kepakarannya membabitkan soal ekonomi.

"Saya akan membuat analisis ekonomi dalam isu tertentu bagi membolehkan data berkenaan membantu pihak tertentu bagi membuat persediaan dalam merancang ekonomi negara.

"Semua data itu akan disalurkan bagi merancang masa depan ekonomi negara dan apa-apa isu yang mendatang akan kita tangani bermula di UUM," katanya.

Prof. Madya Dr. Asan Ali Golan berkata beliau akan membuat persediaan untuk melihat perancangan korporat universiti sebagai usaha awal untuk mengukuhkan hala tuju universiti ini.

"Perancangan secara berpusat akan dilaksanakan bagi memastikan usaha ini mencapai hasilnya dan mengikut kehendak pengurusan universiti," katanya.

Seorang penjawat baru lain, Dr. Siti Jamilah pula beranggapan, pelantikan ini adalah satu amanah dan kepercayaan yang diberikan kepadanya untuk menerajui sebuah Pusat Bahasa yang akan memberi perkhidmatan kepada semua pihak.

"Saya akan mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar dan kakitangan serta akan memperkukuhkan pengajaran bahasa asing lain.

"Tadi, Naib Canselor meminta saya untuk memperkukuhkan pengajaran dalam bahasa Mandarin, Jepun, Perancis dan Thailand, jadi ini menjadi tanggungjawab saya untuk melaksanakannya," katanya.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my